



# Memperketatkan Penguatkuasaan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Terhadap Kes Hamil Luar Nikah oleh Pejabat Agama Islam Daerah Alor Gajah, Melaka

(Empowering the Enforcement of the Shariah Criminal Offence Enactment on Out-of-Wedlock Pregnancy by the Alor Gajah District Islamic Religious Office, Malacca)

Mohd Arif Ariffin Abu Bakar<sup>1\*</sup>✉, Azhar Abdul Aziz<sup>2</sup>, Rafeah Saidon<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Malaysia

<sup>2</sup>Centre of Foundation Studies, Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor, Kampus Dengkil, Dengkil 43800 Selangor Malaysia

---

## ARTICLE INFO

*Article history:*

Received 5 May 2024

Accepted 17 December 2024

Published 10 March 2025

*Keywords:*

Alor Gajah Malacca Islamic religious office pregnant out of wedlock sharia law enforcement

*Katakunci:*

hamil luar nikah Pejabat Agama Islam Daerah Alor Gajah, Melaka penguatkuasaan undang-undang syariah

*DOI:*

<https://doi.org/10.24191/jcis.v11i1.5>

---

## ABSTRACT

Pregnancy out of wedlock is an offence that requires attention and is one of the most concerning social problems, especially in Muslim societies. In Islam, pregnancy out of wedlock is considered a crime, an offence, and a sin that must be curbed and avoided. Therefore, it is the responsibility of the Religious Authority to address and manage such offences through systematic enforcement. Additionally, the provisions of Shariah law and the implementation of more effective punishments must be emphasised to enhance the quality of Shariah law enforcement. This research aims to examine the enforcement practices of the Alor Gajah District Islamic Religious Office in Malacca concerning the Shariah offence of pregnancy out of wedlock. This study adopts a qualitative research approach using content analysis by referring to the Acts or Enactments of Shariah Criminal Offences of various states, relevant journals and theses, as well as the statistics of Shariah offence cases under the Syariah Criminal Offences (State of Malacca) Enactment 1991, specifically those related to pregnancy out of wedlock. The findings of the study indicate that there are legal provisions for the offence of pregnancy out of wedlock in Malacca under Section 54 of the Syariah Criminal Offences (State of Malacca) Enactment 1991 (EKSNM 1991). Furthermore, the study found that enforcement measures have been implemented to curb such offences, particularly in the Alor Gajah District of Malacca. However, these efforts must be continuously improved based on current needs to ensure that religious enforcement remains a relevant authority in addressing the Shariah offence of pregnancy out of wedlock and effectively tackling moral issues, particularly in Malacca.

---

<sup>1\*</sup> Corresponding author. E-mail address: [2019840112@student.uitm.edu.my](mailto:2019840112@student.uitm.edu.my)  
<https://doi.org/10.24191/jcis.v11i1.5>

---

## ABSTRAK


---

Kehamilan luar nikah merupakan kesalahan yang perlu diberi perhatian dan merupakan salah satu masalah sosial yang amat membimbangkan khususnya dalam kalangan masyarakat Islam. Dalam Islam, kehamilan luar nikah merupakan satu jenayah atau dikategorikan sebagai satu jenayah dan perbuatan dosa yang perlu dibendung serta dijauhi. Oleh itu, menjadi tanggungjawab Penguat Kuasa Agama untuk membendung dan menangani kesalahan tersebut melalui pengurusan pelaksanaan penguatkuasaan yang sistematik. Selain itu peruntukan undang-undang syariah dan hukuman yang lebih berkesan juga perlu dititikberatkan bagi meningkatkan kualiti penguatkuasaan undang-undang syariah. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pelaksanaan penguatkuasaan Pejabat Agama Islam Daerah Alor Gajah, Melaka terhadap kesalahan jenayah syariah hamil luar nikah. Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah kualitatif menerusi reka bentuk analisis kandungan dengan merujuk kepada Akta atau Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah negeri-negeri, jurnal-jurnal serta tesis-tesis yang berkaitan dan juga Statistik Kes Kesalahan Syariah di bawah Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991 yang melibatkan kesalahan hamil luar nikah. Hasil kajian mendapat terdapat peruntukan undang-undang syariah bagi kesalahan hamil luar nikah di negeri Melaka iaitu di bawah seksyen 54 Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka (EKSNM) 1991. Selain itu, hasil kajian juga menunjukkan bahawa penguatkuasaan telah dilaksanakan bagi membendung kesalahan tersebut khususnya di Daerah Alor Gajah, Melaka. Walau bagaimanapun, usaha ini perlu dilakukan secara berterusan berdasarkan keperluan semasa agar penguatkuasaan agama dapat menjadi sebuah agensi yang relevan dalam menangani kesalahan syariah hamil luar nikah dan mampu mengatasi isu-isu moral yang wujud khususnya di Melaka.

---

## PENDAHULUAN

Hamil luar nikah ialah kehamilan yang berlaku disebabkan oleh hubungan seks antara lelaki dan perempuan tanpa ikatan yang sah dalam perkahwinan Islam. Syariat Islam mementingkan kemaslahatan manusia dan menghindarkan mereka daripada segala kerosakan serta keburukan dengan menghalalkan hubungan antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram melalui perkahwinan yang sah dan mengharamkan perzinaan. Ini kerana perkahwinan dalam Islam memenuhi keinginan nafsu syahwat manusia dengan cara yang sah, membina kesejahteraan dan ketenangan dalam kehidupan, menjaga keturunan dan sebagainya (Atabik & Mudhiiyah, 2016; Jarbi, 2019). Firman Allah SWT dalam al-Quran yang bermaksud:


  
 وَمِنْ عَائِتَهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لَتَسْكُنُ إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَ نِسَاءٍ  
 مَوَدَّةً وَرَحْمَةً

“Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatNya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan.”

Surah al-Rum, 30: 21

Persetubuhan yang berlaku di luar perkahwinan adalah dilarang dalam Islam dan merupakan perbuatan zina. Islam melarang setiap Muslim menghampiri zina kerana ia merupakan dosa, perbuatan yang buruk dan membawa kepada kerosakan. Allah SWT berfirman dalam al-Quran yang bermaksud:

وَلَا تَقْرُبُوا إِلَيْنَا مَا فَحَشَّةَ وَسَاءَ سَيِّلًا (٢٦)

“Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan).”

Surah al-Isra', 17: 32

Justeru, kehamilan yang berlaku daripada persetubuhan di luar nikah boleh memberikan implikasi yang buruk terhadap pelaku dan keturunan. Dalam konteks Islam, memenuhi kehendak nafsu seks dengan jalan yang dilarang seperti persetubuhan haram boleh membawa kepada ketidakstabilan keturunan, meruntuhkan institusi keluarga, menyebabkan pergaduhan dan tekanan terhadap individu, menularnya penyakit berjangkit dan kelakuan yang menyalahi syarak seperti zina (Atabik & Mudhiaih, 2016). Oleh itu, Islam mendidik manusia supaya sentiasa melakukan amal kebaikan dan menjauhi diri daripada segala perbuatan maksiat atau dosa seperti persetubuhan haram yang boleh membawa kepada kehamilan luar nikah dan lain-lain lagi (Aladin, 2018; Junawaroh, 2020).

Setiap Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah negeri-negeri di Malaysia mempunyai peruntukan kesalahan berkaitan dengan kehamilan luar nikah. Di negeri Melaka, kesalahan hamil luar nikah ini diperuntukkan di bawah seksyen 54 Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991 iaitu golongan perempuan yang hamil luar nikah atau melahirkan anak di luar nikah melakukan satu kesalahan. Jika disabitkan kesalahan, mereka boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan untuk tempoh tidak lebih daripada dua puluh empat bulan atau kedua-duanya sekali.

Keseriusan gejala sosial yang berlaku di negeri Melaka khususnya, dan di Malaysia amnya, perlu diberi perhatian. Sumber berita yang dinyatakan dalam dada akhbar menunjukkan pelbagai permasalahan gejala sosial seperti pembuangan anak, minum arak, berjudi, berkhalwat dan lain-lain. Ini berpunca daripada beberapa faktor yang menyumbang kepada peningkatan permasalahan sosial dan jenayah seperti pertambahan penduduk, kepesatan pembangunan dan kemajuan era dunia tanpa sempadan dan lain-lain lagi. Semua ini amat membimbangkan terutamanya gejala sosial yang melibatkan golongan remaja. Hal ini seperti mana kesalahan hamil luar nikah, yang kebanyakannya melibatkan golongan remaja Melayu Islam berbanding golongan bangsa lain.

Kehamilan luar nikah terutamanya dari kalangan remaja dipengaruhi oleh pelbagai faktor, antaranya kelemahan hubungan kekeluargaan, perkembangan teknologi maklumat, pengaruh rakan sebaya, kedudukan ekonomi dan tahap pendidikan agama yang rendah (Alavi et al., 2012; Siong & Tharshini, 2020). Menurut statistik Kementerian Kesihatan Malaysia dari tahun 2014 hingga 2018, terdapat 18,465 remaja terlibat dengan kehamilan luar nikah dalam tempoh 2014-2018 iaitu 3,980 orang pada tahun 2014 dan 2015, 3,938 orang pada tahun 2016, 3,694 pada tahun 2017 dan 2,873 pada tahun 2018. Berdasarkan data ini, kes kehamilan luar nikah dilaporkan pada setiap tahun. Hal ini juga menunjukkan keseriusan kesalahan hamil luar nikah yang berlaku di Daerah Alor Gajah, Melaka, walaupun penguatkuasaan telah dilakukan ke atas kesalahan tersebut. Menurut Statistik Kes Kesalahan Syariah di bawah Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991, Jabatan Agama Islam Melaka bagi daerah Alor Gajah, Melaka dari tahun 2017 hingga 2021, terdapat 148 kes yang melibatkan kesalahan di bawah seksyen 54 EKSNM 1991, iaitu 23 kes pada tahun 2017, 38 kes pada tahun 2018, 44 kes pada tahun 2019, 28 kes pada tahun 2020 dan 15 kes pada tahun 2021.

Oleh itu, penguatkuasaan syariah memainkan peranan penting dalam menangani kesalahan syariah yang berlaku. Ia merupakan salah satu aspek yang penting dalam pelaksanaan sistem keadilan jenayah Islam. Penguatkuasaan ialah satu tindakan untuk memastikan masyarakat mematuhi undang-undang atau

peraturan tertentu. Penguatkuasaan terhadap undang-undang jenayah syariah kebiasaannya dilaksanakan oleh Pegawai Penguat Kuasa Agama (PPA) berdasarkan peraturan yang diperuntukkan di bawah mana-mana undang-undang Islam yang sedang berkuatkuasa seperti peruntukan yang terdapat di bawah enakmen kesalahan jenayah syariah negeri-negeri (Ismail, 2008). Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) berperanan dalam menjalankan tindakan penguatkuasaan terhadap maklumat yang diterima daripada orang awam berkaitan kesalahan syariah, mengendalikan siasatan kesalahan syariah melalui penyediaan kertas siasatan (fail kes) untuk dihantar ke Jabatan Pendakwaan Syariah, melaksanakan perintah mahkamah terhadap pesalah syariah dan juga menguatkuasakan peruntukan undang-undang syariah yang terkandung dalam enakmen-enakmen yang berkuat kuasa di negeri Melaka. Selain di Ibu Pejabat, bahagian ini mempunyai tiga cawangan yang ditempatkan di setiap tiga daerah di seluruh negeri Melaka, iaitu Pejabat Agama Islam Daerah Melaka Tengah, Pejabat Agama Islam Daerah Jasin, dan Pejabat Agama Islam Daerah Alor Gajah, Melaka. Pejabat-pejabat ini melaksanakan dasar dan prinsip yang sama dalam tugas penguatkuasaan serta tugas berkaitan kes mal, seperti menyiasat pernikahan terdahulu, menyiasat pernikahan sindiket atau palsu, menyediakan fail kes pernikahan tanpa kebenaran untuk pendakwaan, serta menerima dan merekodkan kes cerai tanpa kebenaran.

Perancangan serta pelaksanaan langkah-langkah penguatkuasaan dan pencegahan yang lebih sistematik dan berkesan adalah penting bagi menangani jenayah syariah yang berlaku. Oleh yang demikian, kajian ini menganalisis kesalahan hamil di luar nikah berdasarkan peruntukan undang-undang jenayah Syariah serta pelaksanaan penguatkuasaan oleh Pejabat Agama Islam Daerah Alor Gajah, Melaka, dalam membendung gejala ini.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini merupakan kajian kualitatif menerusi kaedah analisis kandungan dan pengumpulan data melalui kaedah analisis dokumen. Dalam kajian ini, analisis dokumen yang berkaitan dan signifikan, seperti buku-buku, jurnal, kertas kerja, tesis, artikel, statut, dokumen, dan statistik kesalahan pesalah syariah, digunakan bagi mendapatkan gambaran yang jelas tentang penguatkuasaan kesalahan syariah hamil luar nikah, khususnya di Pejabat Agama Islam Daerah Alor Gajah, Melaka. Data kajian ini dianalisis secara deskriptif, di mana melalui kaedah ini, penulis dapat menganalisis data dan maklumat yang diperoleh daripada rujukan-rujukan bertulis, sama ada bersifat primer maupun sekunder.

## **KAJIAN LITERATUR**

Banyak pihak berusaha dalam melakukan kajian terhadap kesalahan hamil luar nikah. Kajian-kajian tersebut merangkumi pelbagai topik, seperti hamil luar nikah dalam perspektif Islam, perspektif undang-undang jenayah syariah di Malaysia terhadap kesalahan hamil luar nikah, faktor berlakunya kehamilan luar nikah, khususnya dalam kalangan remaja, dan lain-lain lagi. Menurut Siong dan Tharshini (2020), faktor yang menyumbang kepada kehamilan luar nikah dalam kalangan remaja antaranya ialah kurang perhatian dan kasih sayang daripada ibu bapa, penyalahgunaan teknologi maklumat dengan sering mengakses bahan-bahan lucah serta pengaruh rakan sebaya dan kekurangan pengetahuan tentang ilmu agama. Semua ini merupakan faktor berisiko yang boleh menyebabkan kehamilan luar nikah. Begitu juga, menurut Mohiddin et al. (2022), keluarga yang bermasalah, kecenderungan kepada hiburan yang melalaikan daripada mendalami ilmu agama, dan minat terhadap bahan-bahan lucah merupakan antara faktor yang boleh menyumbang kepada salah laku seksual dalam kalangan remaja sehingga menyebabkan kehamilan luar nikah. Akibat kehamilan tersebut, golongan remaja berisiko tinggi terlibat dalam kes pengguguran janin dan pembuangan bayi.

Kehamilan luar nikah juga memberi implikasi kepada pelakunya, anak yang dikandung, keluarga, dan pihak lain. Dalam kajian oleh Majid et al. (2019), dinyatakan bahawa kurangnya sokongan daripada pihak keluarga terhadap remaja yang terlibat dengan kehamilan luar nikah akan memberi kesan terhadap emosi

mereka, seperti kemurungan, tekanan, dan berisiko untuk terjebak dengan gejala sosial yang lain. Selain itu, ia juga memberi kesan terhadap emosi keluarga yang mungkin berasa tertekan dan malu dengan perbuatan anak serta cucu mereka yang lahir tanpa nikah. Menurut pandangan syarak, antara kesan kehamilan luar nikah ialah anak yang dilahirkan tidak boleh dinasabkan kepada ayah biologi dan tidak berhak mewarisi harta pusaka ayah tersebut. Selain itu, dari sudut kesihatan, kehamilan luar nikah dalam kalangan remaja boleh memberi kesan negatif terhadap kesihatan mental mereka, seperti kemurungan, tekanan, dan masalah psikologi lain.

Selain itu, bagi mengatasi gejala kehamilan luar nikah daripada terus berleluasa, diperlukan sistem perundangan yang efektif dan berkesan untuk menangani gejala tersebut. Menurut Bahori dan Ismail (2017), terdapat kelompongan dalam perundangan jenayah syariah di Malaysia yang melibatkan kesalahan hamil luar nikah dan ia perlu ditambah baik. Ini kerana hukuman yang sedia ada, seperti denda bernilai tidak melebihi RM1,000.00 hingga RM3,000.00 serta hukuman penjara dengan tempoh antara enam bulan hingga tiga tahun, kurang memberi kesan pencegahan kepada pesalah tersebut. Selain itu, program-program pencegahan juga perlu diperkasakan bagi menangani masalah sosial, khususnya kehamilan luar nikah.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

### i) Peruntukan Enakmen Kesalahan Syariah Hamil Luar Nikah

Di Malaysia, terdapat peruntukan undang-undang bagi kesalahan jenayah syariah berkaitan kehamilan luar nikah. Namun, hanya beberapa negeri yang mempunyai peruntukan khusus bagi kesalahan tersebut, antaranya:

Negeri Melaka, di bawah seksyen 54 Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991 memperuntukkan:

- (1) Seseorang perempuan yang didapati hamil atau melahirkan anak di luar nikah adalah merupakan suatu kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi daripada tiga ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua puluh empat bulan atau kedua-duanya sekali.

Di Selangor, Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995, Enakmen No 9, seksyen 25 memperuntukkan:

- (1) Mana-mana orang lelaki yang melakukan persetubuhan dengan orang perempuan yang bukan isterinya yang sah adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.
- (2) Mana-mana orang perempuan yang melakukan persetubuhan dengan orang lelaki yang bukan suaminya yang sah adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh di denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.
- (3) Hakikat bahawa seorang perempuan hamil luar nikah akibat daripada persetubuhan yang dilakukan dengan kerelaannya dan sedang dia sedar tentang perbuatannya adalah keterangan *prima facie* tentang pelakuan kesalahan di bawah subseksyen (2) oleh orang perempuan itu.

- (4) Bagi maksud subseksyen (3), seseorang perempuan yang melahirkan anak yang sempurna sifatnya dalam tempoh yang kurang daripada enam bulan *qamariah* dari tarikh pernikahannya hendaklah disifatkan telah hamil luar nikah.

Seksyen 25(3) adalah berkaitan dengan kesalahan hamil luar nikah akibat daripada perbuatan zina maka hukumannya ialah dibawah subseksyen (2) iaitu denda maksimum RM 5,000.00, penjara maksimum tiga tahun dan sebat maksimum enam sebatan atau kombinasi mana-mana hukuman tersebut.

Negeri Pahang, di bawah seksyen 31 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pahang) 2013 memperuntukkan:

- (1) Mana-mana perempuan yang hamil atau melahirkan anak tanpa pernikahan yang sah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu
- (2) Mana-mana lelaki yang menyebabkan mana-mana perempuan hamil luar nikah atau melahirkan anak tanpa pernikahan yang sah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dihukum menururut peruntukan subseksyen (1).

Negeri Perlis, di bawah seksyen 15 Enakmen Jenayah dalam Syarak (Perlis) 1991 menjelaskan bahawa:

- (1) Mana-mana orang perempuan yang didapati hamil atau melahirkan anak di luar nikah tidak termasuk persetubuhan syubhah adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.
- (2) Mana-mana perempuan yang melahirkan anak yang penuh sifat kurang daripada enam bulan hijrah selepas dia berkahwin tidak termasuk persetubuhan syubhah boleh disifatkan sebagai melahirkan anak di luar nikah.
- (3) Beban membuktikan bahawa seorang perempuan itu telah disetubuh dengan cara syubahah atau sebagainya atau berkahwin atau anak itu dilahirkan dalam jangka masa yang boleh diterima mengikut Hukum Syarak adalah terletak di atas perempuan itu.
- (4) Seksyen 112 Akta Keterangan 1950 tidak boleh dipakai bagi maksud seksyen ini.

Negeri Sembilan, di bawah seksyen 75 Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992 (Pindaan 2004) bagi kesalahan hamil luar nikah memperuntukkan seperti berikut:

- (1) Seseorang perempuan yang didapati hamil atau melahirkan bayi di luar nikah akibat dari persetubuhan haram yang dilakukan dengan kerelaannya dan kesedarannya adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.
- (2) Seseorang perempuan yang melahirkan seorang bayi yang penuh sifat dalam masa enam bulan selepas dia berkahwin hendaklah disifatkan sebagai melahirkan anak di luar nikah: Dengan syarat bahawa beban membuktikan seorang perempuan itu telah melakukan persetubuhan cara syubhat atau telah berkahwin atau anak itu dilahirkan dalam jangka masa yang boleh diterima mengikut Hukum Syarak adalah terletak di atas perempuan itu.

Negeri Kelantan, di bawah seksyen 16 Enakmen Kanun Jenayah Syariah (Kelantan) 1985 memperuntukkan:

- (1) Seseorang perempuan yang didapati hamil atau melahirkan anak di luar nikah adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.
- (2) Seseorang perempuan yang melahirkan anak yang penuh sifat dalam masa enam bulan selepas dia berkahwin boleh disifatkan sebagai melahirkan anak di luar nikah.
- (3) Beban membuktikan bahawa seorang perempuan itu telah disetubuhi dengan carasyubhat atau sebagainya atau berkahwin atau anak itu dilahirkan dalam jangka masa yang boleh diterima mengikut Hukum Syarak adalah terletak di atas perempuan itu.
- (4) Seksyen 112 Akta Keterangan 1950 tidak boleh dipakai bagi maksud seksyen ini.

Di Sabah, di bawah seksyen 79 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Sabah) 1995 memperuntukkan:

- (1) Sesiapa perempuan didapati hamil atau melahirkan anak di luar nikah adalah bersalah atas satu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.
- (2) Seseorang perempuan yang melahirkan seorang anak penuh sifat kurang daripada enam bulan selepas dia berkahwin boleh disifatkan sebagai anak di luar nikah.
- (3) Beban membuktikan bahawa seorang perempuan itu telah disetubuhi dengan cara syubhat atau sebagainya atau berkahwin dalam jangka masa yang boleh diterima menurut Hukum Syarak adalah terletak atas perempuan.

Enakmen-enakmen ini juga menunjukkan bahawa seseorang boleh dianggap hamil luar nikah sekiranya melahirkan bayi kurang daripada enam bulan, walaupun mereka telah pun berkahwin pada waktu tersebut.

Peruntukan hukuman bagi kesalahan-kesalahan syariah berdasarkan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 pindaan 1984 ialah penjara tiga tahun, atau denda RM5,000, atau enam kali sebatan, atau mana-mana kombinasi daripada ketiga-tiga hukuman tersebut. Walaupun terdapat bentuk hukuman yang jelas dalam akta ini, ia masih perlu dibincangkan dan dibuat penambahbaikan. Ini kerana menurut Jamal dan Hashim (2016), penghakiman lebih cenderung kepada kadar hukuman denda yang rendah, dan tidak dapat dipastikan kesesuaian serta keberkesanannya dalam memberi impak kesedaran kepada pesalah serta mencegah orang lain daripada melakukan kesalahan yang sama. Selain itu, menurut kajian Rahim et al. (2012), kebanyakkan hukuman yang telah dijatuhkan ke atas pesalah bagi kesalahan yang berkaitan dengan kehormatan diri atau seksual oleh Mahkamah Syariah Negeri Sembilan dari 2005 sehingga 2010 adalah hukuman denda sahaja. Hukuman denda ini ringan dan rendah, serta tidak seimbang dan sepadan. Ia juga tidak pernah mencapai kadar hukuman maksimum selaras dengan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 pindaan 1984. Oleh itu, hukuman tersebut tidak cukup memberikan kesedaran dan pengajaran kepada pesalah.

Berdasarkan perkara ini, ia menunjukkan bahawa peruntukan hukuman bagi kesalahan syariah perlu dikaji dan dibuat penambahbaikan supaya dapat memberi kesedaran, pengajaran, dan pemulihan terhadap pesalah serta mencegah orang lain daripada melakukan kesalahan yang sama (Ismail, 2017). Menurut Senarai Daftar Pesalah Syariah Negeri Melaka, Bahagian Penguatkuasaan JAIM bagi tahun 2015 hingga 2019, terdapat pesalah syariah yang melakukan kesalahan hamil luar nikah berulang kali, dengan jumlah kesalahan yang sama direkodkan sebanyak 12 kali. Hal ini menunjukkan bahawa penguatkuasaan terhadap kesalahan hamil luar nikah perlu dipertingkat dan diperketatkan bagi membendung kesalahan tersebut daripada terus berleluasa.

## **ii) Penguatkuasaan Kesalahan Syariah Hamil Luar Nikah di Daerah Alor Gajah, Melaka**

Di negeri Melaka, penguatkuasaan jenayah syariah adalah di bawah tanggungjawab Bahagian Penguatkuasaan JAIM, yang melaksanakan peruntukan undang-undang syariah yang terkandung dalam enakmen-enakmen yang berkuat kuasa di negeri Melaka. Antara fungsi bahagian ini adalah menerima dan menguruskan maklumat awam berkaitan dengan kesalahan-kesalahan syariah, menjalankan tindakan penguatkuasaan terhadap maklumat-maklumat awam berkaitan kesalahan syariah, mengendalikan siasatan kes kesalahan syariah melalui penyediaan fail kes ke Jabatan Pendakwaan Syariah dan melaksanakan perintah-perintah mahkamah ke atas pesalah syariah (Jabatan Agama Islam Melaka, 2023).

Selain itu, bahagian ini juga melaksanakan program dan kempen pencegahan jenayah syariah kepada masyarakat dan individu yang melakukan kesalahan syariah (Fail Meja Unit Pencegahan, Bahagian Penguatkuasaan JAIM). Bahagian ini mempunyai tiga cawangan yang ditempatkan di setiap tiga daerah di seluruh negeri Melaka iaitu Pejabat Agama Daerah Melaka Tengah, Pejabat Agama Daerah Jasin dan Pejabat Agama Daerah Alor Gajah, Melaka. Setiap cawangan ini melaksanakan dasar dan prinsip yang sama dalam melaksanakan tugas penguatkuasaan serta bertanggungjawab terhadap kes-kes mal dan matrimoni seperti pernikahan sindiket atau palsu, pernikahan tanpa kebenaran, poligami dan perceraian di luar mahkamah dan lain-lain lagi (Jabatan Agama Islam Melaka, 2023).

Gejala sosial yang melibatkan kesalahan jenayah syariah berkaitan hamil luar nikah, khususnya di negeri Melaka, merupakan satu kesalahan yang serius dan perlu dibendung. Di negeri Melaka, kesalahan syariah hamil luar nikah diperuntukkan di bawah seksyen 54 Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991 dan dikategorikan sebagai kesalahan boleh tangkap mengikut Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri Melaka 2002. Di Daerah Alor Gajah, Melaka, setiap Orang Yang Disyaki (OYDS) yang ditangkap atas kesalahan ini akan melalui proses siasatan di Pejabat Agama Islam Daerah Alor Gajah, Melaka. Proses siasatan ini melibatkan rakaman percakapan OYDS berkaitan dengan kesalahan yang dilakukan. Setelah siasatan selesai, OYDS akan diberikan lepasan jaminan, sama ada jaminan keluarga, Ketua Pegawai Penguat Kuasa Agama, atau Mahkamah Syariah. Susulan itu, kertas siasatan akan dibuka dan dilengkapkan untuk semakan dan tindakan lanjut oleh Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Melaka (Fail Meja Unit Siasatan, Bahagian Penguatkuasaan JAIM; Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri Melaka 2002).

Selain daripada proses siasatan, OYDS yang terlibat juga akan diberikan surat arahan untuk menghadiri Kursus Kesedaran dan Penghayatan Islam yang dianjurkan oleh Bahagian Penguatkuasaan JAIM. Kursus ini diadakan sebulan sekali selama setengah hari dan bertujuan untuk memberi kesedaran, memperbaiki diri OYDS, serta memberikan pendedahan mengenai proses perbicaraan di Mahkamah Syariah. Antara aktiviti dalam kursus ini termasuk ceramah motivasi serta taklimat berkaitan kesalahan syariah negeri Melaka dan prosedur perbicaraan di Mahkamah Syariah Negeri Melaka. Menurut statistik kesalahan syariah hamil luar nikah bagi Daerah Alor Gajah, Melaka, dari tahun 2019 hingga 2023, sebanyak 103 kes telah direkodkan dan tindakan penguatkuasaan telah diambil. Berikut adalah statistik kesalahan syariah di bawah Seksyen 54 Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991 bagi Daerah Alor Gajah, Melaka dari tahun 2019 hingga 2023 seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah:

Jadual 1.1: Statistik Kes Kesalahan Syariah Di Bawah Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991 (Seksyen 54)  
Bagi Daerah Alor Gajah, Melaka Bagi tahun 2019 hingga 2023

Seksyen Kesalahan	Tahun	Jumlah
	2019	26
Seksyen 54 EKSNM 1991 (Hamil di luar nikah)	2020	29
	2021	17
	2022	6
	2023	25
Jumlah Keseluruhan		103

Sumber: Penulis (2025)

Berdasarkan statistik, jumlah kes tertinggi direkodkan pada tahun 2020 dengan 29 kes, diikuti oleh tahun 2019 dengan 26 kes, tahun 2023 dengan 25 kes, dan tahun 2021 dengan 17 kes. Namun, tahun 2022 mencatatkan jumlah kes paling rendah, iaitu hanya 6 kes. Perbandingan statistik menunjukkan bahawa pada tahun 2020 berlaku peningkatan sebanyak 3 kes (10.3%) berbanding tahun 2019. Namun, pada tahun 2021, kes menurun sebanyak 12 kes (41.3%) daripada 29 kes pada tahun 2020 kepada 17 kes. Seterusnya, pada tahun 2023, kes meningkat semula sebanyak 17 kes (68%) berbanding 6 kes pada tahun 2022. Walaupun terdapat penurunan kes pada tahun 2021 dan 2022, isu hamil luar nikah tetap tidak boleh dipandang remeh, kerana ia merupakan kesalahan yang serius dan perlu dibendung dengan lebih berkesan. Menurut Malay.News (2021), laporan Polis Diraja Malaysia (PDRM) Negeri Melaka menyatakan bahawa kes jenayah seksual di Melaka pada tahun 2021 yang melibatkan remaja bawah umur dalam aktiviti tidak bermoral amat membimbangkan.

Selain itu, menurut Laporan Statistik Tahunan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM) bagi tahun 2016 hingga 2020, sebanyak 656 kanak-kanak perempuan berumur 18 tahun ke bawah direkodkan hamil luar nikah dan ditempatkan di bawah penjagaan serta perlindungan JKM. Statistik tersebut menunjukkan bahawa pada tahun 2016 terdapat sebanyak 161 kes, diikuti oleh 139 kes pada tahun 2017, 95 kes pada tahun 2018, 122 kes pada tahun 2019, dan 139 kes pada tahun 2020. Selain itu, menurut statistik kes pembuangan bayi di Malaysia yang dikeluarkan oleh PDRM, sebanyak 443 kes pembuangan bayi direkodkan dari tahun 2018 hingga 2021. Berdasarkan rekod siasatan PDRM, kes pembuangan bayi ini berpunca daripada kehamilan luar nikah, melibatkan pelaku berusia antara bawah 18 tahun hingga 25 tahun ke atas (Selangorkini, 2022).

## KESIMPULAN

Terdapat pelbagai faktor yang menyumbang kepada kesalahan hamil luar nikah, yang bukan sahaja memberi kesan negatif kepada pelaku tetapi juga kepada keluarga mereka. Bagi membendung kesalahan ini, peningkatan mutu penguatkuasaan undang-undang syariah adalah amat penting. Ini termasuk pengurusan pelaksanaan penguatkuasaan yang lebih sistematik, ketelitian pihak berkuasa agama dalam mengenal pasti kelemahan serta kekurangan dalam pelaksanaan penguatkuasaan, dan penilaian semula terhadap pendekatan yang lebih berkesan dalam menangani cabaran yang timbul. Selain itu, pelaksanaan undang-undang dan hukuman yang lebih efektif perlu diberi perhatian bagi memastikan pencegahan yang lebih berkesan. Usaha-usaha ini harus dilaksanakan secara berterusan bagi meningkatkan kualiti penguatkuasaan undang-undang syariah serta memastikan keberkesanan dalam menangani kesalahan syariah ini.

## PENGHARGAAN

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Shah Alam kerana sudi menerbitkan artikel ini dan juga di atas sokongan yang diberikan.

## KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis menyatakan dan mengesahkan tiada kepentingan persaingan seperti kewangan atau perhubungan peribadi mengenai penulisan artikel ini dan selainnya.

## SUMBANGAN PENULIS

Penulis telah merangka dan menulis keseluruhan artikel kajian ini. Azhar Abdul Aziz dan Rafeah Saidon memberikan maklumat, input dan membantu penulis dalam penulisan artikel kajian ini.

## RUJUKAN

- Aladin, A. (2018). Pernikahan Hamil Di Luar Nikah Dalam Perspektif Kompilasi Hukum Islam (KHI) dan Fiqih Islam di Kantor Urusan Agama (Studi Kasus Di Kota Kupang), *Masalah-Masalah Hukum*, Jil. 46 (No.3) 2017. Indonesia: Universiti Deponegoro Semarang.
- Alavi, K., Nen, S., Ibrahim, F., Akhir, N. M., Mohamad, M. S., & Nordin, N. M. (2012), Hamil Luar Nikah Dalam Kalangan Remaja, *E-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, Vol. 7, No 1 (2012): Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Atabik, A., & Mudhiah, K. (2016). Pernikahan Dan Hikmahnya Perspektif Hukum Islam, *Jurnal Pemikiran Hukum Dan Hukum Islam*, Vol. 5 (No. 2) 2014, Indonesia: Institut Agama Islam Negeri Kudus.
- Bahori, A., & Ismail, S. Z. (2017). Kehamilan Luar Nikah Dari Perspektif Undang-Undang Jenayah Syariah Di Malaysia Dan Pengawalannya Melalui Program Pencegahan, *Jurnal Undang-Undang Dan Masyarakat*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fail Meja Unit Operasi, Bahagian Penguatkuasaan JAIM, Senarai Tugas Unit Operasi.
- Fail Meja Unit Pencegahan, Bahagian Penguatkuasaan JAIM, Senarai Tugas Unit Pencegahan.
- Ismail, S.Z. (2008), Dasar Penguatkuasaan dan Pendakwaan Jenayah Syariah di Malaysia: Satu Analisis, *Jurnal Syariah*, 16, 537-554.
- Jabatan Agama Islam Melaka (2023). Bahagian Penguatkuasaan. Portal Rasmi Jabatan Agama Islam Melaka <http://www.jaim.gov.my/Bahagian/Penguatkuasaan#tab1>
- Jamal, J., & Hashim, H. (2016). Hukuman Alternatif di Mahkamah Syariah: Keperluan Penambahbaikan Perundangan Syariah Negeri-Negeri, *Malaysian Journal of Syariah and Law* (Vol. 4), (2016). Universiti Sains Islam Malaysia.
- Jarbi, M. (2019). Pernikahan Menurut Hukum Islam. *Pendais, Jurnal Pendidikan dan Wawasan Keislaman*, Vol. 1 (No.1), Indonesia: Universiti Indonesia Timur.
- Junawaroh, J. (2020). Wanita Hamil di Luar Nikah Perspektif Hukum Islam (Studi Hukum Menikahi, Mentalaq, dan Masa Iddah), *Syaksia, Jurnal Hukum Perdata Islam*, Vol. 21 (No. 2) 2020, Indonesia:Universiti Sultan Maulana Hasanuddin.
- Mahkamah Syariah Negeri Melaka. (2023). Objektif dan Fungsi. Portal Rasmi Mahkamah Syariah Negeri Melaka. <https://mahsyariah melaka.gov.my/index.php/ms/127-info/21-objektif>

- Majid, M. A., Azman, N. Z., & Yani, N. I. M. (2019). Faktor Penglibatan Remaja Dalam Salah Laku Seksual: Kajian Terhadap Remaja Hamil Luar Nikah Di Pusat Pemulihan Akhlak Negeri Selangor. *al-Irsyad: Journal Of Islamic And Contemporary Issues*, Vol. 4 No. 2 (2019): Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Malay.News. (2021), Jenayah Seksual Remaja Bawah Umur Melaka Membimbangkan. Portal Rasmi Malay.News. <https://www.malay.news/jenayah-seksual-remaja-bawah-umur-melaka-membimbangkan/>.
- Mohiddin, M. N., Ramlee, N., Aziz, H., Moksin, H., Serbini, D. S., & Hamid, D. T. A. (2022, September). Faktor Kehamilan Luar Nikah dalam Kalangan Remaja di Negara Brunei Darussalam. In *Proceedings Borneo Islamic International Conference eISSN 2948-5045* (Vol. 13, pp. 153-160).
- Rahim, A. A., Rahim, A. A., & Manap, N. A. (2012). Hukuman bagi Kesalahan Seksual di Bawah Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992: Keperluan kepada Hukuman yang Lebih Berat. *Malaysian Journal of Law & Society*, (16).
- Selangorkini. (2022). Jenayah Buang Bayi Masih Berterusan, Hubungan Luar Nikah Jadi Punca. Portal Rasmi Selangorkini. <https://selangorkini.my/2022/02/jenayah-buang-bayi-masih-berterusan-hubungan-luar-nikah-jadi-punca/>.
- Siong, R., & Tharshini, N. K. (2020). Isu Kehamilan Luar Nikah dalam Kalangan Remaja di Malaysia: Satu Tinjauan Sorotan Literatur, *Jurnal Psikologi Malaysia* 34 (4).
- Yahaya, M., Azman, A., Yusof, M. M., & Bahrin, F. K. (2019). Faktor Dalaman Yang Mendorong Perlakuan Seks Luar Nikah Dalam Kalangan Remaja. *Journal Of Islamic, Social, Economics and Development*, 4(23), 87-96.

## SENARAI STATUT

Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991

Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri Melaka 2002



© 2025 by the authors. Submitted for possible open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY SA) license (<https://creativecommons.org/licenses/by-sa/4.0/>).